



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 9 Julai 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Warga Myanmar mengaku seleweng diesel kena penjara

Simpanan dalam premis itu didapati tidak mendapat kebenaran oleh Pengawal Bekalan untuk penyimpanan barang kawalan terbabit.

Kesalahan itu didakwa dilakukan mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum mengikut seksyen 22(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama.

Bagi kesalahan kedua

atau seterusnya, tertuduh boleh dihukum denda tidak lebih RM3 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya S Preeya Darrsini dengan dibantu Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Mohd Hilmi Abu Hassan.

Hakim kemudiannya memerintahkan tertuduh dipenjarakan enam bulan dari tarikh tangkap dan semua hasil dilucut hak kepada kerajaan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Hentikan budaya caj berlebihan hospital swasta terhadap pesakit

JAWATANKUASA Kira-Kira Wang Negara (PAC) wajar dipuji kerana mendedahkan amalan penyedia perkhidmatan kesihatan swasta yang mengenakan caj tidak munasabah bagi barangan asas dalam bil hospital pesakit, satu amalan yang dilaporkan telah berlarutan sejak sekian lama.

Naib Presiden MCA yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal

Ekonomi dan PKS MCA Datuk Ir Lawrence Low berkata barangan seperti kapas alkohol, pelupusan sisa klinikal dan sarung bantal sepatutnya sudah termasuk dalam caj bilik serta perkhidmatan kejururawatan, bukannya dikenakan bayaran berasingan.

Menurutnya walaupun caj tersebut kelihatan kecil secara individu, jumlah keseluruhannya memberi beban kewangan yang besar kepada pesakit dan pemegang polisi insurans perubatan.

Beliau berkata Kementerian berkaitan perlu mengambil tindakan segera bagi memperketat pengawasan terhadap hospital swasta dan syarikat insurans.

Katanya amalan syarikat insurans yang menggunakan sistem "closed pools" juga perlu ditangani kerana ia menyumbang kepada kenaikan mendadak premium insurans dan membebankan pemegang polisi sedia ada.

Bagi menamatkan amalan tersebut, Lawrence mencadangkan beberapa langkah, termasuk penubuhan badan kawal selia bersama antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memantau amalan pengebilan hospital swasta.

Menurutnya badan itu perlu memastikan pesakit tidak dikenakan caj berasingan bagi barangan keperluan asas yang sepatutnya termasuk dalam perkhidmatan standard hospital.

Beliau turut mencadangkan supaya KKM menerbitkan senarai lengkap bahan guna habis dan perkhidmatan asas yang tidak boleh dikenakan caj berasingan bagi meningkatkan ketelusan serta membantu pesakit mengenal pasti caj yang tidak wajar.

Selain itu beliau menggesa Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri mewujudkan portal aduan khas dalam talian bagi membolehkan pesakit melaporkan kes caj berlebihan.

Katanya mekanisme pelaporan berpusat itu akan membantu pihak berkuasa mengumpul bukti, mengenal pasti hospital yang kerap melakukan kesalahan dan mengambil tindakan penguatkuasaan dengan lebih pantas.

Lawrence turut mencadangkan Bank Negara Malaysia mewajibkan syarikat insurans mengemukakan justifikasi aktuari sebelum melaksanakan kenaikan premium



Kami mengalu-alukan surat/pendapat, telexi hanya yang bertandatangan dan mengandungi nama penuh, alamat dan nombor telefon (jika ada) pengirim sahaja yang akan disiarkan. Sebaik-baiknya ditulis dan akan disunting agar lebih ringkas dan jelas. Bagaimanapun, kami menolak surat-surat yang telah dihantar untuk siaran di tempat lain. Oleh kerana banyaknya jumlah yang diterima, kami tidak boleh memulangkan surat yang tidak disiarkan. Nama samaran dibenarkan. Pandangan yang diberi juga tidak semestinya mencerminkan pendapat Harian Ekspres. Alamat surat anda kepada: Forum Harian Ekspres, Peti Surat 10139, 88001 Kota Kinabalu (Faks: 086-432555) Email: Forum@dailyexpress.com.my

yang ketara.

Menurutnya syarikat insurans perlu membuktikan bahawa sebarang kenaikan premium dibuat berdasarkan faktor objektif seperti inflasi kos perubatan, pengalaman tuntutan, keperluan rizab dan petunjuk kewangan lain, bukannya keputusan komersial semata-mata.

Beliau berkata syarikat insurans juga perlu mengamalkan pelarasan premium secara berperingkat setiap tahun berbanding kenaikan mendadak, terutama bagi melindungi pemegang polisi warga emas daripada peningkatan premium yang terlalu tinggi selepas usia 60 atau 70 tahun.

Di samping itu katanya syarikat insurans perlu memperkukuh pengurusan tuntutan dengan mengurangkan tuntutan palsu dan tidak perlu serta bekerjasama rapat dengan hospital swasta bagi memastikan setiap rawatan dan prosedur benar-benar diperlukan serta dikenakan harga yang munasabah.

Beliau berkata kerajaan, pihak pengawal selia dan industri insurans masing-masing mempunyai peranan penting dalam memastikan pesakit menerima layanan yang adil dan tidak dikenakan caj yang tidak munasabah.

"Walaupun kos setiap barangan kelihatan kecil, jumlah keseluruhan yang dikutip melalui amalan ini selama bertahun-tahun boleh menjadi sangat besar.

"Pesakit tidak sepatutnya menanggung kos tambahan bagi barangan asas yang merupakan sebahagian daripada penjagaan rutin di hospital. Justeru pengawalseliaan yang lebih ketat, ketelusan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan amat diperlukan bagi memulihkan keyakinan orang ramai terhadap sistem penjagaan kesihatan swasta," katanya.

Beliau turut menggesa pihak berkuasa bertindak segera untuk menghentikan amalan tersebut, melindungi pengguna daripada pengebilan yang tidak adil serta memastikan setiap ringgit yang dibayar oleh pesakit dan pemegang polisi benar-benar mencerminkan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan.

Datuk Ir Lawrence Low

Naib Presiden MCA

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Ekonomi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) MCA

Jamawi mahu Budi Diesel untuk pengusaha tani muda

R Gonzales

KIULU: Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Datuk Jamawi Jaafar (**gambar**) mahu syarat kelayakan untuk Program Budi Diesel dikaji semula bagi membolehkan lebih ramai pengusaha muda dalam sektor pertanian, penternakan dan industri makanan menikmati subsidi daripada program itu.



Beliau berkata antara isu utama yang dibangkitkan oleh kumpulan itu ialah mereka tidak layak memohon subsidi diesel kerana kenderaan yang digunakan untuk aktiviti pertanian tidak didaftarkan atas nama sendiri.

Menurutnya, keadaan itu berlaku kerana sebahagian pengusaha khususnya di luar bandar, memperoleh kenderaan melalui kaedah sambung bayar atau pembiayaan yang ditawarkan syarikat dan bukannya institusi perbankan.

"Kita sedia maklum bahawa hanya mereka yang mempunyai hak milik kenderaan dan lesen yang sah boleh menuntut Budi Diesel. Namun di peringkat akar umbi, ramai pengusaha muda membeli kenderaan melalui sambung bayar atau pinjaman syarikat.

"Ada juga petani yang tidak mempunyai akaun bank tetapi mampu membayar ansuran bulanan kenderaan yang digunakan untuk aktiviti pertanian," katanya kepada pemberita selepas Program Jelajah Kebun Dapur di sini.

Jamawi berkata terdapat juga pengusaha yang mendapatkan pembiayaan berdasarkan hasil jualan komoditi seperti getah namun nama kenderaan masih didaftarkan atas nama syarikat pembi-

ayaan dan belum dapat dipindah milik kepada pengguna sebenar.

"Ini antara kekusaran yang dibangkitkan oleh anak-anak muda. Kita sudah menggalakkan mereka terlibat dalam sektor pertanian, penanaman padi, penorehan getah dan pelbagai aktiviti lain.

"Apabila mereka tidak layak menerima Budi Diesel, ia melemahkan semangat mereka untuk terus mengusahakan sektor ini," katanya.

Katanya, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Kewangan Persekutuan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi membincangkan isu berkenaan serta menyalurkan maklum balas daripada pengusaha di Sabah.

"Saya juga akan melibatkan semua agensi pertanian negeri dan Persekutuan untuk berdialog dan menyampaikan isu ini kepada kerajaan supaya usaha anak-anak muda dalam sektor pertanian dapat terus dibantu dan diperkasakan," katanya.

Jamawi berkata kementeriannya juga sedang meneliti cadangan memperkenalkan konsep Kebun Dapur di sekolah-sekolah bagi meningkatkan kesedaran mengenai keterjaminan makanan dalam kalangan murid.

Menurutnya, Kementerian beliau telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan Negeri susulan permintaan supaya konsep Kebun Sekolah diwujudkan berasaskan pendekatan Kebun Dapur.

"Kita mahu anak-anak memahami kepentingan makanan dan keterjaminan makanan sejak di bangku sekolah rendah lagi.

"Melalui inisiatif ini, mereka bukan sahaja dapat menghargai tanaman di sekeliling mereka, malah hasil yang diper-

oleh juga boleh dimanfaatkan oleh pihak sekolah," katanya.

Menurutnya, cadangan itu menerima maklum balas positif daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak sekolah dan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut peruntukan yang tersedia.

Mengenai Program Kebun Dapur, Jamawi berkata sambutan yang diterima amat menggalakkan apabila lebih 3,000 pengusaha kecil telah mengusahakan kebun di sekitar kediaman masing-masing dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Katanya, jumlah itu menghampiri sasaran lima tahun program berkenaan iaitu 5,000 peserta.

"Saya melihat mereka sangat bersemangat sehingga berkongsi hasil Kebun Dapur masing-masing di media sosial. Justeru itu, saya bercadang memperkenalkan Anugerah Kebun Dapur Terbaik bagi menghargai usaha mereka dan menjadi inspirasi kepada lebih ramai masyarakat untuk menyertai program ini," katanya.

Beliau berkata anugerah itu berkemungkinan diperkenalkan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri yang dijadualkan berlangsung di Tenom pada September ini.

Jamawi berkata Jelajah Kebun Dapur akan diperluaskan ke seluruh Sabah sebagai platform menyampaikan maklumat berkaitan bantuan, insentif dan program pembangunan pertanian kepada masyarakat.

Beliau berkata program itu bukan sahaja bertujuan menggalakkan budaya berkebun di kawasan rumah malah memastikan maklumat mengenai pelbagai bantuan kerajaan dapat disampaikan terus kepada golongan sasar.

Jamawi wants Budi Diesel for young agri operators

R Gonzales

KIULU: State Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister Datuk Jamawi Jaa-far wants the eligibility requirements for the Budi Diesel programme reviewed to allow more young operators in the agriculture, livestock and food sectors to benefit from the programme.

He said one of the main issues raised by these operators is that they do not qualify for the diesel subsidy because the vehicles they use for farming are not registered under their names.

He said this happens because some operators, particularly those in rural areas, obtain their vehicles through hire purchase or financing offered by companies rather than banking institutions.

"We are aware that only those who hold vehicle ownership and a valid licence can claim Budi Diesel. But at the grassroots level, many young operators buy their vehicles through hire purchase or company loans.

"There are also farmers who do not have bank accounts but can pay the monthly instalments for their vehicles used for farming," he told reporters after the Jelajah Kebun Dapur, here.

Jamawi said some operators obtain financing based on proceeds from commodity sales such as rubber, but the vehicle remains registered under the financing company's name and has yet to be transferred to the actual user.

"This is among the concerns raised by young people. We have encouraged them to get involved in the agriculture sector, in paddy planting, rubber tapping and various other activities. When they do not qualify to receive Budi Diesel, it discourages them to some degree from continuing in this sector," he said.

He said he will hold a meeting with the Federal Ministry of Finance and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living to discuss the matter and to relay feedback from operators in Sabah.

"I will also bring in all State and Federal agriculture agencies for a dialogue and to bring this issue to the Government so that the efforts of young people in the agriculture sector can continue to be supported and strengthened," he said.

Jamawi also said his Ministry is studying

a proposal to introduce the Kebun Dapur concept in schools to raise awareness of food security among pupils.

He said his Ministry has held discussions with the State Education Department following a request for a Kebun Sekolah concept to be established based on the Kebun Dapur approach.

"We want children to understand the importance of food and food security from primary school age. Through this initiative, they will not only appreciate the crops around them but the produce can also be used by the school," he said.

He said the proposal received positive feedback from Parent-Teacher Associations and schools and will be carried out in stages according to available allocation.

On the Kebun Dapur Programme, Jamawi said the response has been encouraging, with more than 3,000 small operators having cultivated gardens around their homes in the first six months of this year.

He said the figure is close to the programme's five-year target of 5,000 participants.

"I see them so enthusiastic that they share the produce from their own Kebun Dapur on social media. I therefore intend to introduce a Best Kebun Dapur Award to recognise their efforts and inspire more members of the public to join this programme," he said.

He said the award may be introduced during the State-level Farmers, Livestock Breeders and Fishermen's Day, scheduled for Tenom this September.

Jamawi said the Jelajah Kebun Dapur will be expanded across Sabah as a platform to deliver information on assistance, incentives and agricultural development programmes to the public.

He said the programme is not only aimed at encouraging a culture of home gardening but also at ensuring information on various government assistance reaches the target groups directly.

"The Ministry and its departments provide many assistance programmes, but sometimes the information does not reach the people. That is why this tour is important, so that every farmer, livestock breeder and fisherman knows the opportunities provided by the Government," he said.



PM vows to address petrol station operators' losses

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim promised to heed petrol station operators' concerns over alleged losses stemming from oil price fluctuations.

Anwar told Parliament this that he would instruct Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan to meet them and obtain more information.

"I will ask finance minister II to help obtain more details, as well as discuss this with oil companies," Anwar said in reply to a supplementary question by Ipoh Timur MP Howard Lee Chuan How.

"So far, they have given full cooperation, otherwise it would not have been possible for us to implement the targeted RON95 petrol and diesel subsidies effectively," he added.

"If there are shortcomings, I am sure, God willing, we will be able to work out a solution."

Lee alleged petrol retailers are losing as much as RM50,000 when prices of subsidised fuel prices "transition".

As of July 6, 2026, around 200,000 citizens have been approved for the additional 100 litres of subsidised diesel after the government shifted towards the identification card system.

Anwar said the Ministry of Domestic



Trade and Cost of Living has also expanded the SKDS fleet card facility for pickup trucks and jeeps owned by small businesses, particularly sole proprietorship or partnerships. - MM



Kaji semula syarat BUDI Diesel, bantu pengusaha muda sektor pertanian

Oleh JOHN TAMBANAN

KIULU: Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Jamawi Jaafar menggesa agar syarat kelayakan Program BUDI Diesel dikaji semula bagi membolehkan lebih ramai pengusaha muda dalam sektor pertanian, penternakan dan industri makanan menikmati subsidi yang disediakan kerajaan.

Beliau berkata, antara isu utama yang dibangkitkan oleh golongan berkenaan ialah mereka tidak layak memohon subsidi diesel tersebut kerana kenderaan yang digunakan untuk aktiviti pertanian tidak didaftarkan atas nama sendiri.

Menurutnya, keadaan itu berlaku kerana sebahagian pengusaha, khususnya di luar bandar, memperoleh kenderaan melalui kaedah sambung bayar atau pembiayaan yang ditawarkan syarikat dan bukannya institusi perbankan.

"Kita sedia maklum bahawa hanya mereka yang mempunyai hak milik kenderaan dan lesen yang sah boleh menuntut BUDI Diesel.

"Namun di peringkat akar umbi, ramai pengusaha muda membeli kender-



aan melalui sambung bayar atau pinjaman syarikat. Ada juga petani yang tidak mempunyai akaun bank tetapi mampu membayar ansuran bulanan kenderaan yang digunakan untuk aktiviti pertanian," katanya kepada pemberita selepas Program Jelajah Kebun Dapur di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kiulu.

Jamawi berkata, terdapat juga pengusaha yang mendapatkan pembiayaan berdasarkan hasil jualan komoditi seperti getah, namun nama kenderaan masih didaftarkan atas nama syarikat pembiayaan dan belum dapat dipindah milik kepada pengguna sebenar.

"Ini antara kekusaran yang

dibangkitkan oleh anak-anak muda. Kita sudah menggalakkan mereka terlibat dalam sektor pertanian, penanaman padi, penorehan getah dan pelbagai aktiviti lain.

"Apabila mereka tidak layak menerima BUDI Diesel, sedikit sebanyak ia melemahkan semangat mereka untuk terus mengusahakan sektor ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Kewangan Persekutuan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi membincangkan isu berkenaan serta menyalurkan maklum balas daripada pen-

gusaha di Sabah.

"Saya juga akan melibatkan semua agensi pertanian negeri dan Persekutuan untuk berdialog dan menyampaikan isu ini kepada Kerajaan supaya usaha anak-anak muda dalam sektor pertanian dapat terus dibantu dan diperkasakan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Jamawi berkata, kementerianya sedang meneliti cadangan memperkenalkan konsep Kebun Dapur di sekolah-sekolah bagi meningkatkan kesedaran mengenai keterjaminan makanan dalam kalangan murid.

Beliau berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah susulan permintaan supaya konsep Kebun Sekolah diwujudkan berasaskan pendekatan Kebun Dapur.

"Kita mahu anak-anak memahami kepentingan makanan dan keterjaminan makanan sejak di bangku sekolah rendah lagi.

"Melalui inisiatif ini, mereka bukan sahaja dapat menghargai tanaman di sekeliling mereka, malah hasil yang diperoleh juga boleh dimanfaatkan oleh pihak sekolah," katanya.

'Review Budi Diesel eligibility for young entrepreneurs'

Nancy Lai

KIULU: The eligibility criteria for Budi Diesel should be reviewed to enable more young entrepreneurs in the agriculture, livestock and food sectors to benefit from it, said Minister for Agriculture, Fisheries and Food Industry Datuk Jamawi Jaafar.

He said many young agricultural entrepreneurs, particularly in rural areas, have been excluded from the programme because the vehicles they use for farming activities are not registered in their own names.

According to Jamawi, many of them acquired their vehicles through informal ownership transfer arrangements or financing provided by private companies instead of banks, making them ineligible for the subsidy despite using the vehicles for agricultural purposes.

"We understand that only vehicle owners with valid registration and licences are eligible to claim the Budi Diesel subsidy. However, many young entrepreneurs purchase vehicles through 'sambung bayar' (instalments) arrangements or company financing. Some farmers do not even have bank accounts but are still able to pay their monthly vehicle instalments," he told reporters after the 'Kebun Dapur' Roadshow programme here on Tuesday.

He added that some entrepreneurs had secured vehicle financing using proceeds from commodities such as rubber, but ownership remained with the financing companies, preventing them from qualifying for the subsidy.

"This is one of the concerns raised by our young people. We



Jamawi (third right) and Joniston (centre) pose for a group photo with staff of the Sabah Paddy and Rice Board (LPBS).

have been encouraging them to venture into agriculture, paddy cultivation, rubber tapping, and other agricultural activities. When they are not eligible for the Budi Diesel subsidy, it inevitably affects their motivation to remain in the sector," he said.

Jamawi said he would raise the matter with the federal Ministry of Finance and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to seek a review of the programme's requirements.

He added that state and federal agricultural agencies would also be involved in discussions to ensure feedback from Sabah's agricultural entrepreneurs is conveyed to the federal government.

In a separate development, Jamawi said his ministry is studying a proposal to introduce the 'Kebun Dapur' concept in schools to promote food security awareness among students from an early age.

He said discussions had

already been held with the State Education Department following proposals to establish school gardens based on the 'Kebun Dapur' model.

"We want children to understand the importance of food security while they are still in primary school. Besides appreciating the crops they grow, the produce can also be utilised by the schools," he said.

Jamawi said the proposal had received encouraging feedback from schools and Parent-Teacher Associations (PIBG) and would be implemented in phases, subject to available funding.

He also revealed that more than 3,000 small-scale growers had established 'Kebun Dapur' around their homes during the first six months of this year, bringing the programme close to its five-year target of 5,000 participants.

Describing the response as encouraging, Jamawi said he plans to introduce a 'Best Kebun Dapur Award' to recognise

participants' efforts and inspire more people to take up home gardening.

The award is expected to be introduced during the Sabah State Farmers, Breeders and Fishermen's Day celebration in Tenom this September.

Jamawi said the 'Kebun Dapur' Roadshow would also be expanded throughout Sabah to provide farmers, livestock breeders and fishermen with direct access to information on government assistance, incentives and agricultural development programmes.

"There are many assistance schemes offered by the ministry and its agencies, but sometimes the information does not reach the people. This roadshow ensures that farmers, livestock breeders and fishermen are aware of the opportunities available to them," he said.

Also present was Kiulu assemblyman Datuk Joniston Bangkuai.



POKOK: Jamawi (kanan) dan Joniston (kiri) memegang anak pokok yang akan diserahkan kepada para peserta.

Pengusaha muda pertanian perlu diberi akses BUDI Diesel

Oleh Vini Olivia Najurus

TUARAN: Syarat kelayakan Program BUDI Diesel wajar dikaji semula bagi membolehkan lebih ramai pengusaha muda dalam sektor pertanian, penternakan dan industri makanan menikmati subsidi diesel yang disediakan kerajaan.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Jamawi Jaafar berkata, antara isu utama yang dibangkitkan golongan berkenaan ialah mereka tidak layak memohon subsidi kerana kenderaan yang digunakan untuk aktiviti pertanian tidak didaftarkan atas nama sendiri.

Katanya, keadaan itu berlaku apabila sebahagian pengusaha terutama di luar bandar memperoleh kenderaan melalui kaedah sambung bayar atau pembiayaan syarikat dan bukannya institusi kewangan.

"Kita sedia maklum hanya mereka yang mempunyai hak milik kenderaan dan lesen yang sah boleh menuntut BUDI Diesel."

"Namun di peringkat akar umbi, ramai pengusaha muda membeli kenderaan melalui sambung bayar atau pinjaman syarikat. Ada juga petani yang tidak mempunyai akaun bank tetapi mampu membayar ansuran bulanan kenderaan yang digunakan untuk aktiviti pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Jelajah Kebun Dapur di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kiulu, di sini pada Selasa.

Jamawi berkata, terdapat juga pengusaha yang memperoleh pembiayaan berdasarkan hasil jualan komoditi seperti getah, namun kenderaan masih didaftarkan atas nama syarikat pembiayaan dan belum dapat dipindah milik kepada pengguna sebenar.

"Keadaan ini menyebabkan ramai anak muda yang aktif dalam sektor pertanian gagal menikmati subsidi walaupun menggunakan kenderaan berkenaan sepenuhnya bagi tujuan pengeluaran hasil."

"Ini antara kekusaran yang dibangkitkan oleh anak-anak muda. Kita sudah menggalakkan mereka terlibat dalam sektor pertanian, penanaman padi, penorehan getah dan pelbagai aktiviti lain."

"Apabila mereka tidak layak menerima BUDI Diesel, sedikit sebanyak ia melemahkan semangat mereka untuk terus mengusahakan sektor ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau

akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi membincangkan isu berkenaan serta menyampaikan maklum balas daripada pengusaha di Sabah.

Katanya, semua agensi pertanian negeri dan Persekutuan juga akan dilibatkan dalam sesi dialog bagi mencari penyelesaian yang dapat membantu golongan terbabit.

Dalam perkembangan lain, Jamawi berkata, kementeriannya sedang meneliti cadangan memperkenalkan konsep Kebun Dapur di sekolah bagi meningkatkan kesedaran mengenai ketenteraman makanan dalam kalangan murid.

Beliau berkata, perbincangan sudah diadakan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bagi mewujudkan konsep Kebun Sekolah berasaskan pendekatan Kebun Dapur.

"Kita mahu anak-anak memahami kepentingan makanan dan ketenteraman makanan sejak di bangku sekolah rendah lagi."

"Melalui inisiatif ini, mereka bukan sahaja dapat menghargai tanaman di sekeliling mereka, malah hasil yang diperolehi juga boleh dimanfaatkan oleh pihak sekolah," katanya.

Menurutnya, cadangan itu menerima maklum balas positif daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak sekolah dan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut peruntukan yang tersedia.

Mengulas mengenai Program Kebun Dapur, Jamawi berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan apabila lebih 3,000 pengusaha kecil mengusahakan kebun di sekitar kediaman masing-masing dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Katanya, jumlah itu hampir mencapai sasaran lima tahun program berkenaan iaitu 5,000 peserta.

"Kita bercadang memperkenalkan Anugerah Kebun Dapur Terbaik sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sabah di Tenom pada September ini sebagai penghargaan kepada peserta yang berjaya."

"Pada masa sama, Jelajah Kebun Dapur akan diperluaskan ke seluruh Sabah bagi menyampaikan maklumat berkaitan bantuan, insentif dan program pembangunan pertanian kepada masyarakat," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 JULAI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Jul	Lelaki Myanmar Simpan Diesel Tanpa Kebenaran Dipenjara 6 Bulan	https://malaysiagazette.com/2026/07/08/lelaki-myanmar-simpan-diesel-tanpa-kebenaran-dipenjara-6-bulan/	MALAYSIA GAZETTE
9-Jul	Lelaki Myanmar Mengaku Salah Selewang 5,808 Liter Diesel, Dihukum Penjara 6 Bulan	https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2026/07/1584516/lelaki-myanmar-mengaku-salah-selewang-5808-liter-diesel-	BERITA HARIAN
9-Jul	Lelaki Myanmar Simpan 5,808 Liter Diesel Dipenjara 6 Bulan	https://www.tvsarawak.my/2026/07/08/lelaki-myanmar-simpan-5808-liter-diesel-dipenjara-6	TVS
9-Jul	缅甸男子非法储存柴油 判监禁6个月	https://www.orientaldaily.com.my/news/	ORIENTAL DAILY
9-Jul	Kaut Untung Demam Piala Dunia, Jersi Tiruan Pasukan Dapat Permintaan Tinggi	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/07/1381224/kaut-untung-demam-piala-dunia-jersi-tiruan-pasukan-dapat-permintaan-tinggi	HARIAN METRO
9-Jul	KPDN Miri Serbu Dua Stesen Minyak di Pekan Bekenu	https://www.tvsarawak.my/2026/07/08/kpdn-miri-serbu-dua-stesen-minyak-di-pekan-	TVS
9-Jul	KPDN Selangor Serbu Kilang Sabun Disyaki Guna Logo Halal Tidak Sah	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-selangor-serbu-kilang-sabun-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah/	RTM
9-Jul	Jual Sabun Online Guna Logo Halal Tidak Sah, Kilang Diserbu KPDN	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/07/1584902/jual-sabun-online-guna-logo-halal-tidak-sah-kilang-diserbu-kpdn	BERITA HARIAN

9-Jul	KPDN Serbu Kilang Sabun Pencuci Disyaki Guna Logo Halal Tidak Sah	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-kilang-sabun-pencuci-disyaki-guna-logo-halal-tidak-sah	ASTRO AWANI
9-Jul	Kilang Sabun Tipu Sijil Halal Diserbu KPDN, JIM Dalam Op Bersepadu	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2026/07/kilang-sabun-tipu-sijil-halal-diserbu-kpdn-jim-dalam-op-bersepadu/	UTUSAN
9-Jul	KPDN Serbu Kilang Sabun Guna Logo Halal Tidak Sah	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/07/1381519/kpdn-serbu-kilang-sabun-guna-logo-halal-tidak-sah	HARIAN METRO
9-Jul	KPDN Serbu Kilang Guna Logo Halal Tidak Sah, Rampasan Cecah RM215,700	https://www.astroawani.com/video/kpdn-serbu-kilang-guna-logo-halal-tidak-sah-rampasan-cecah-rm215700	ASTRO AWANI
9-Jul	Lelaki Myanmar Dipenjara Enam Bulan Selepas Mengaku Seleweng Diesel	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/07/lelaki-myanmar-dipenjara-enam-bulan-selepas-mengaku-seleweng-diesel/	UTUSAN
9-Jul	Lelaki Warga Myanmar Dipenjara Enam Bulan Seleweng 5,808 Liter Diesel	https://themalay-siapress.com/2026/07/08/lelaki-warga-myanmar-dipenjara-enam-bulan-seleweng-5808-liter-	THE MALAYSIA PRESS
9-Jul	缅甸男子非法储存5808公升柴油 认罪判监6个月	https://northern.sinchew.com.my/news/20260708/	SIN CHEW